

PEPSI ATAU COKE
Chedet.cc
24 Januari 2018
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Terkejut saya apabila diberitahu pemilihan dalam PRU 14 ini tidak lebih dari pemilihan antara Pepsi Cola dengan Coca Cola. Oleh itu apa perlunya kita mengundi.
2. Begitu rendahkah kebolehan kita berfikir dan membuat bandingan? Jika ditanya antara Proton dengan Rolls Royce, yang mana satu yang nak dipilih? Mana-mana sahajalah. Apa bezanya antara Proton dengan Rolls Royce. Kedua-duanya kereta bermotor, tak lebih dari itu.
3. Keputusan yang dibuat ialah untuk tidak membeli Proton atau Rolls Royce. Kereta bermotor boleh terlibat dengan kemalangan. Adalah lebih baik berjalan kaki.
4. Tetapi semasa melintas jalan sahabat ini tergilis dengan sebuah kereta – kereta Rolls Royce.
5. Dia tak tahu kerana dah maut. Sebenarnya Rolls Royce itu dipandu pencuri kereta itu.
6. Ini cerita dongeng. Tetapi cerita ini sama dengan membuat pilihan antara Pepsi Cola dengan Coca Cola.
7. Samada cerita ini dapat difahami atau tidak bergantung kepada kebolehan pembaca. Jika kebolehan rendah maka terjadilah tafsiran seperti yang dibuat terhadap soalan saya berkenaan daging babi.

8. Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada daya fikir bangsa itu. Dalam Al Quran berkali-kali terdapat ayat yang menyentuh daya-fikir manusia. Setelah diperdengar wahyu dari Allah, ada yang masih tidak faham dan tidak percaya. Ayat menyoal, tidakkah kamu berfikir, mengguna akal fikiran.

9. Puak yang tidak dapat fikir ini dikenali sebagai puak jahiliah. Jika kita tergolong dalam puak ini, tak mungkin kita bezakan antara yang bertanding. Dan mustahil kita akan maju. Tak hairanlah jika kita tidak akan undi dalam pilihan raya 14. Jika memilih antara Pepsi dengan Coca pun kita tak dapat, apatah lagi antara BN dengan PH. Tentu terlalu berat bagi kita.

10. Oleh itu jangan pilih. Selamatlah kita.

Selamatkah?

Tepuk dada

Tanya selera.

9 thoughts on "PEPSI ATAU COKE"

Log in to Reply Simple Mind Jan 25,2018 2:38 PM

Assalmu'kum Tun,

This clearly shows the caliber of the people, and the population at large. This is the product of the education system!

The school kids weren't trained/taught to think. Some how, some older people, leaders, were of the same, too.

Log in to Reply TokJanggut Jan 25,2018 12:04 PM

Bismillah

air yang tun maksudkan dari keluaran yang same iaitu satu syarikat . Demokrasi datang dari sumber yang same iaitu barat yang mane barat tidak meletakkan Al quran sebagai panduan jadi demokrasi tertolak . Babi hukumnya tetap haram ,sekali pun disembelih dgn menggunakan nama tuhan . Matlamat tidak menghalalkan cara . Kamu inginkan anak jadi kamu pergi berzina dan hasilnya kamu dapat anak. Adakah dibolehkan ?. Kamu pergi ke kedai kereta untuk service dan setelah selesai mekanik mengatakan dalam keadaan selamat . Semasa dlm perjalanan kereta kamu terbabit dlm kemalangan . Siapakah yang menentukan selamat atau tidak seseorang , masyarakat ,negara ,dunia atau alam seluruhnya ? Adakah manusia atautkan tuhan yang menciptakan manusia dan alam seluruhnya ? Siapakah tuhan kamu yang sebenarnya ?

Log in to Reply Dave Copper Jan 25,2018 9:37 AM

It's true, this election is akin to choosing between Coke and Pepsi. I am looking forward to choose between a racist and an non-racist. But both Tun and Najib are prejudiced to the core. So, let's see who is less biased now.

Log in to Reply sibotak Jan 24,2018 11:46 PM

Pepsi atau Coca Cola ?

Masaalahnya kedua dua mengakibatkan Kencing Manis jika tidak ada kawalan

Kenapa tidak

Antara Tun & Najib ?

Antara Siti Hasnah & Rosmary ?

Antara 2 orang Doctor & 2 orang Penyagak ?

Antara Langgit & Bumi ?

Salahnya Najib

Dia fikir dia jadi PM

Dia bolih buat apa yg dia suka

Dia fikir dia Boss segala Boss

Kena pula dampingan Rosmary

Memang Jahanam

Inilah perbezaan orang yg berilmu dan tidak berilmu

Ini bukan persoalan 1MDB , Felda ,Tanjung Pagar dan yg lain lain

Ini juga persoalan seorang Perdana Menteri

Yg salah menggunakan Kuasa

Yg menggunakan Undang undang Negara untuk kepentingan sendiri

Begitu juga mencerminkan betapa Lemahnya Kementerian Undang undang Malaysia

Bukan saja yg biasa kita dengar dari pihak bawahan

Ini terpapar dan secara terang pihak atasan pun tidak betul

Seharus Tanah berduyun yg sudah di jual , Felda, Tanjung Pagar , Proton dan sebagainya yg kita tidak tahu

Seharusnya kita Berduit

Ini duit takada , hutang Negara berlipat ganda , Tanah di Gadai ,Maruah di gadai , Mata wang yg Terendah dalam sejarah Malaysia

Mana pergi ini semua .

Ada Toyol ke ? Ada Bandut ke ?

Hari demi hari jadi kebencian Rakyat

Di harap jika Berjaya

Hapuskanlah segala gejala yg tidak sehat ini

Termasuk AG ,Sultan atau sesiapa pun yg bersubahat tidak menegakan Kebenaran

Log in to Reply rimba.emas Jan 24,2018 11:28 PM

Salam Tun.

1. Rimba Emas tidak pandai bermain dengan kata-kata. Malah mengapa Tun pilih Pilihanraya Pru 14 kali ini bagai memilih antara Pepsi dengan Coca Cola pun buat terkial-kial.
2. Sudah lumrah berbagai tafsiran akan tersurat lagi pening bila jawapannya nampak berselirat.
3. Bagi Rimba Emas yang tahap pemikiran lebih rendah ikut ilmu pelajaran yang di terima percaya persepsi Tun lebih kepada rakyat yang menganggap kedua Parti iaitu PH dan BN dua kali lima iaitu sama sahaja.
4. Maka jalan malas memikir yang di ambil ialah tidak turun mengundi.
5. Maaf sebenarnya pada pendapat peribadi Rimba Emas cara mengundi untuk menegakkan KEBENARAN bukanlah jalan yang terbaik.
6. Dalam Islam seorang Rasul di pilih sendiri oleh tuhanNya iaitu Allah s.w.t. Malah ada riwayat mengatakan Rasullullah s.a.w tidak mewasiatkan pengantinya atas dirinya iaitu Rasul yang terakhir.

7. Cuma baginda s.a.w memberi kata-kata nasihat pada umatnya jika mereka ingin seorang ketua untuk memimpin di kemudian hari kalau dalam kedudukan mereka pastilah Saidina Abu Bakar pilihan utama dalam ramai-ramai sahabatnya.

8. Justeru pilihan Rasullullah s.a.w nampak berat kepada AKHLAK AL-QURAN iaitu yang di percayainya dan telah teruji di dalam kehidupan bersamanya.

9. Berlainan dengan cara mengundi yang mana jumlah yang besar di libatkan untuk memilih. Maka pihak baik serta buruk terlibat bersama.

10. Tanpa kawalan boleh berlaku perkara buruk jika pihak jahat lebih ramai dari yang baik. Begitu juga lebih ramai mereka yang berfiran cetek dari yang cerdik.

11. Tun sendiri pernah mengaku tersilap pilih jadi cara undi pada Pru 14 risikonya tinggi bila KEBENARAN telah berpihak kepada yang batil.

12. Istiqarahlah pada yang berkuasa moga-moga Allah s.w.t memakbulkan doa kita setelah berusaha.

13. Bertawakal kita juga bergantung kepada qhodo dan qhadar yang menentukannya.

Wallahua'lam.

Log in to Reply Sri Sense Jan 24,2018 11:20 PM

Salam Tun

Kalau pi supermarket memang Pepsi Cola dan Coca Cola letak sebelah menyebelah, boleh kenal label lain-lain, satu biru ramping, satu merah besar tegap. Harga coca

cola selalunya tinggi sikit dari Pepsi. Rasa pepsi lembut sikit manakala coca cola lebih keras. Warna air memang nampak sama tapi kalau perhati betul lain, tak sama.

Kalau pi kedai makanan usually waiter atau waitress akan sebut pepsi but no coke. Selalu minuman ini offer bottomless. Bayar segelas tapi boleh minum sebaldi kalau larat. Perhaps pepsi ini masuk banyak rangkaian fast food. But if you have kencing manis, indigestion problem atau takut sakit lebih baik jangan beli dan minum minuman bergas hahaha

Take Care Tun!

Log in to Reply drrafick Jan 24,2018 9:33 PM

Salam Tun

Minum pepsi atau coke rasanya tak sama tapi hampir sama. Impak minum berterusan hari hari selama lima tahun sama iaitu confirm dapat kencing manis dan badan jadi gemuk

Pilih kerajaan sekali dalam lima tahun. Impak dia 50/50. Di selangor, saya sudah lihat bagaimana buruknya kepimpinan Azmin Ali dan permainan politik AA didalam mengejar cita cita beliau untuk jadi pemimpin. Yang nyata, untuk rakyat TERUS DIUTAMAKAN, kita perlu ada perimbangan kuasa antara pusat dan negeri.

Pada masa ini saya akan beri PH kuasa parlimen dan beri BN kuasa negeri diselangor kerana

(1) Kerajaan persekutuan pimpinan najib terlalu rakus dan kuasa banyak tertumpu pada PM. Saya harap PH akan mengurangkan kuasa PM. Kuasa kenaikan pangkat dan penentuan KP dan KS Perkhidmatan Awam serta Kepimpinan Polis dan Tentera serta Judiciary tidak ditentukan oleh menteri atau PM tapi sebaliknya ditentukan oleh perkhidmatan tersebut

(2) Bila kerajaan negeri dan perseketuan berebut nak dapat sokongan rakyat, maka rakyat dapat untung

tq

Log in to Reply Hajar Jan 24,2018 9:07 PM

Salam Yang Amat DiHormati dan DiSanjungi Tun,

1. Ha...ha...ha... Analogi Tun boleh menyebabkan ada yang pening kepala (tahap kefahaman yang rendah).

2. Jangan nanti ada pula yang 'fitnah' Tun menuduh kesemua 'pemandu Rolls Royce' ialah 'pencuri' (seperti dalam isu/kes 'Lanun Bugis' yang membuat ada pihak yang 'sentap').

3. Mungkin ada yang terkial-kial memikirkan siapakah dia 'pencuri' Rolls Royce dalam cerita dongeng ini...

4. Yang mati kena langgar (tergilis) oleh Rolls Royce pula mungkin ada yang tidak tahu siapakah gerangnya...

5. Tidak semua orang ada KEBOLEHAN untuk MEMAHAMI penulisan dan percakapan atau kenyataan2 Tun. Cuma orang yang betul2 faham cara Tun berfikir boleh/mampu memahami penulisan2 dan kenyataan2 Tun.

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

Log in to Reply Kimithecat Jan 24,2018 7:07 PM

Nice one Tun M...nice.

kasi ajar sikit budak-budak yang tak tahu menggunakan akal fikiran yg tuhan berikan ni.Pepsi dgn Cola pun tak tahu nak pilih...Cehhh!

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2762>